

21/11/1999

Pas Kelantan cemas

Ramli Ibrahim

GUA MUSANG: Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata Pas kini cemas untuk mempertahankan pemerintahan di negeri ini apabila mengetahui Barisan Nasional (BN) menyenaraikan semua calon yang berwibawa pada pilihan raya 29 November ini.

Ini katanya, selain berkaliber, semua calon BN turut mempunyai kelebihan membabitkan gabungan muka lama dan baru yang dapat diterima rakyat Kelantan.

BN mengesahkan bertanding di 14 kerusi Parlimen dan 43 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini, selepas waktu penamaan calon ditutup jam 12.30 tengah hari, semalam.

Berdasarkan kemampuan calon BN itu, katanya, pemimpin Pas tidak usah lagi bermimpi mempertahankan pemerintahan di negeri ini kerana masa untuk mereka berundur sudah tiba.

"Kita mempunyai keyakinan, rakyat menerima perjuangan BN pada pilihan raya kali ini dengan memberi peluang kepada parti komponen itu menawan semula Kelantan.

"Kita harap kemenangan kali ini dengan majoriti besar bagi memudahkan BN membentuk kerajaan dan melaksanakan agenda pembangunan seperti dijanjikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di kediamannya di Bukit Chekati, dekat sini, selepas Pegawai Pengurus Pilihan Raya Gua Musang, Azamli Jamaludin, mengumumkan senarai calon yang bertanding bagi kerusi Parlimen Gua Musang dan tiga kerusi DUN di Bilik Gerakan Pejabat Tanah dan Jajahan ini, di sini, semalam.

Menurutnya, kini rakyat negeri ini boleh menilai sendiri perjuangan Pas sejak memerintah negeri ini hampir 10 tahun lalu sama ada parti itu membawa perubahan atau tidak.

Tengku Razaleigh yang mempertahankan kerusi Parlimen Gua Musang akan ditentang calon Pas, Razak Abas, berkata, beliau berpuas hati dengan senarai calon yang dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk bertanding di Kelantan.

"BN sudah berjanji kepada rakyat Kelantan apabila diberi mandat baru untuk memerintah negeri ini kerana agenda pembangunan tetap dilaksanakan secara besar-besaran untuk dinikmati mereka," katanya.

Oleh itu, beliau mengingatkan rakyat jangan lagi terkeliru dengan pelbagai janji dan tipu helah Pas yang ingin terus berkuasa di Kelantan, walhal mereka tidak mahu membela nasib rakyat.

"Kita juga melihat Pas ketandusan pemimpin yang berwibawa menyebabkan ramai calon yang diketengahkan untuk bertanding di beberapa kawasan Parlimen dan DUN kali ini, bukan di kalangan penduduk tempatan," katanya.

Beliau berkata, ini tidak akan diterima kerana rakyat mahukan pemimpin mereka mestilah penduduk tempatan dan berkemampuan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

(END)